

# Bangau Perahu: Identiti Malaysia Dalam Rekabentuk Barang Kemas

## *Bangau Perahu: Malaysian Identity in Jewelry Design*

\*Nur Syafinaz Mohd Anuar<sup>1</sup>, Mohd Zamani Daud<sup>2</sup>, Muhammad Faiz Iskandah<sup>3</sup>,  
Hamdan Lias<sup>4</sup>, Nik Nur Hafizah Ma Hassan<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Kelantan, MALAYSIA

<sup>5</sup>The Bench Studio, Machang, Kelantan, MALAYSIA

syafinaz342@uitm.edu.my<sup>1</sup>, zamani266@uitm.edu.my<sup>2</sup>, faiz148@uitm.edu.my<sup>3</sup>,  
hamdan867@uitm.edu.my<sup>4</sup>, thebenchstudio@gmail.com<sup>5</sup>

\*Corresponding author

*Received: 29 June 2023, Accepted: 28 July 2023, Published: 1 September 2023*

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti potensi dan kepentingan identiti Malaysia dalam idea generasi dari perspektif baharu bagi reka bentuk barang kemas kontemporari. Matlamat utama adalah untuk membantu penyelidik mengenal dan menghargai identiti kebangsaan (Bangau Perahu) agar dapat diterjemahkan ke dalam rekaan barang kemas dengan lebih kreatif dan inovatif khususnya kontemporari keronsang. Kaedah yang digunakan adalah Double Diamond dari British Design Council bermula tahun 2005. Model ini dilihat amat bersesuaian untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Proses ini mempunyai empat fasa utama iaitu: 1) Mencari 2) Menentukan, 3) Membangunkan dan 4) Menyampaikan. Maklum balas diperolehi melalui soalan kaji selidik yang terbahagi kepada 2 bahagian utama: Bahagian A: Tahap kriteria penilaian terhadap rekabentuk dan Bahagian B: Tahap kriteria penilaian terhadap produk. Hasil kajian berkaitan rekaan mendapati 4 indikator dipilih sebagai sangat setuju manakala kriteria terhadap produk, didapati purata memilih 3 indikator sebagai sangat penting. Walaubagaimanapun semua berpendapat telesis wujud dengan jelas dalam rekaan ini. Produk ini sesuai untuk dikomersialkan, namun perlu beberapa penambahbaikan.

**Kata Kunci:** Bangau Perahu, Identiti Malaysia, Idea Generasi, Barang Kemas

### ABSTRACT

*This research was conducted to identify the potential and importance of Malaysian identity in generational ideas from a new perspective for contemporary jewellery design. The main goal is to help researchers recognize and appreciate the national identity (Bangau Perahu) so that it can be translated into more creative and innovative jewellery designs, especially contemporary brooch. The method used is the Double Diamond from the British Design Council starting in 2005. This model is seen as very appropriate to be applied in this study. This process has four main phases which are: 1) Search 2) Define, 3) Develop and 4) Deliver. Feedback is obtained through survey questions that are divided into 2 main parts: Part A: The level of evaluation criteria for design and Part B: The level of evaluation criteria for the product. The results of the design-related study found that 4 indicators were chosen as very agreeable while the criteria for the product, it was found that the average chose 3 indicators as very important. However, everyone thinks telesis is clearly present in this design. This product is suitable for commercialization but needs some improvements.*

**Keywords:** Bangau Perahu, Malaysian Identity, Generational Ideas, Jewellery



eISSN: 2550-214X © 2023. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1. LATAR BELAKANG

Setiap negara di dunia mempunyai identiti kebangsaan dan mereka berusaha keras dalam mempamerkan kekuatan dan keunikan identiti kebangsaan. Kenyataan ini disokong oleh Boswell (2008) UNESCO menerangkan bahawa identiti warisan negara bermaksud 'titik rujukan' bagi sesebuah negara. Keunikan identiti kebangsaan ini perlu ditonjolkan di mata dunia kerana Malaysia juga mempunyai identiti yang tersendiri.

Perkara tersebut selari dengan kenyataan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmian Malam Sambutan Ulangtahun Ke-60 Balai Seni Negara iaitu “Seni budaya menjadi ukuran ketinggian sesebuah tamadun negara. Tidak ada negara yang boleh mengatakan mereka sudah bertamadun tanpa adanya seni budaya yang tersendiri” (N. S. M. Anuar, et al. 2021)

Mohd Kassim Hj Ali yang dipetik daripada Marzuki Ibrahim et al., (2017), menerangkan sejarah barang kemas di Malaysia telah bermula sejak zaman purba, di mana ia berkait rapat dengan sejarah emas di Malaysia. Menurut M. Z. Daud. et al., (2021) pemakaian batu bertatah perhiasan sejak berzaman kerana kecenderungan manusia untuk sentiasa kelihatan cantik. Selain itu ia mencerminkan budaya, status dan kekayaan si pemakai. Rekaan barang kemas kini telah dipelbagaikan dalam masyarakat Melayu di Malaysia.

## 2. PERNYATAAN MASALAH

Menurut Nur Syafinaz Mohd Anuar, et al. (2019), Mohamad Rodzi menjelaskan kerjasama dalam bidang penyelidikan, penulisan dan penerbitan, khususnya yang berkaitan dengan sejarah dan budaya yang bertujuan untuk membina konsensus mengenai tafsiran perbezaan ke atas isu-isu identiti dan sejarah kelompok juga perlu diberi keutamaan.

Identiti kebangsaan bagi sesebuah negara seharusnya diselesaikan dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan kekeliruan dan pertindihan dengan negara-negara sekitarnya. Ini kerana setiap negara mempunyai identiti tersendiri yang unik dan tidak boleh ditiru oleh mana-mana negara lain. Persamaan identiti di kalangan negara-negara Asia Tenggara adalah dari segi sejarah bahasa, budaya, dan etnik. Matsuura (2001) Ketua Pengarah UNESCO menyatakan bahawa sesebuah negara seharusnya lebih berertika dan menghormati maruah bangsa dan negara dalam proses mempertahankan identiti budaya.

Malaysia diantara negara yang tersohor dalam mengeluarkan produk - produk kraf yang berasaskan logam dan juga batik selain Indonesia dan Thailand. Hasil kerja logam dan batik dari negara ini diterima banyak pihak dalam dan luar Negara dan memang diakui berkualiti tinggi. Walau bagaimanapun, didapati bahawa produk berasaskan logam dan tekstil dikomersialkan secara berasingan. Penggabungan kedua material ini tidak berlaku dalam mencipta kraf baharu dengan percubaan untuk mengoptimumkan gabungan kedua-duanya secara serius.

Walaupun bagaimanapun, didapati produk kraf logam dan batik berdiri dengan sendirinya tanpa menentang produk yang baru dengan cubaan menggabungkan kedua-dua bidang yang berbeza ini secara serius dan semaksima mungkin. Ini dapat dilihat pada Pameran Hari Kraf Kebangsaan 2019 dan Pertandingan Piala Sri Endon 2019 seperti gambar 1 dibawah. Permasalahan ini memberi idea dan cabaran untuk menghasilkan produk yang menggabungkan logam dan batik dan mampu diterima pasaran.



**Gambar 1** Antara produk dan motif batik yang terdapat di Pameran Hari Kraf Kebangsaan 2019 dan Pertandingan Piala Sri Endon 2019

Kraf sedia ada sekarang ini memerlukan inovasi dalam membantu kraf Malaysia agar mampu bersaing diperingkat antarabangsa. Kenyataan ini disokong oleh Ali Yasin, Siti Maryam et al. (2021) Inspirasi seharusnya menjadi panduan seterusnya dalam meneruskan warisan kraf berkonsepkan inovasi baharu. Inovasi akan menjadi lebih menarik selaras dengan penerimaan pelbagai lapisan masyarakat tanpa perlu meninggalkan warisan budaya seseorang.

### 3. MATLAMAT

Membantu pengkaji mengenal dan menghargai identiti kebangsaan agar dapat diterjemahkan ke dalam rekaan barang kemas dengan lebih kreatif dan inovatif.


### 4. OBJEKTIF

Kajian ini adalah untuk melihat potensi dan mengangkat identiti kraf Malaysia menerusi rekaan barang kemas kontemporari.

## 5. KAJIAN LITERATUR

### 5.1. Kumpulan Barang Kemas

Menurut Oppi (1982), Barang kemas terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu Pengumpul (collector), Pemakai (Wearer) dan Pelabur (Investor). Beliau menggunakan kaedah mandala untuk menerangkan dengan lebih terperinci kategori barang kemas tersebut. Ia boleh dilihat menerusi rajah 1 dibawah.



**Rajah 1** The Jewel mandala yang digambarkan oleh Untracht, O. dalam buku Jewelry: Concepts and Technology

Kajian ini lebih memfokuskan kepada kategori barang kemas kontemporari yang mana ia berada dalam kumpulan pemakai. Barang kemas kontemporari bermula pada tahun 1960an dan telah berkembang sehingga sekarang. Menurut Justyna Stasiewicz (2015):

*Contemporary Jewelry, also known as Modernist Jewelry, has gone far beyond the craft, becoming virtually another discipline of art, a tool to express the author's statement. Contemporary Jewelry also the phenomenon of costume jewelry appeared, mass-produced, cheap, made from new materials and closely associated with the wave of pop art.*

Gambar 2 dibawah merupakan cincin kontemporari yang telah dihasilkan pereka daripada Brazil Bia Tambelli dimana koleksi ini mewakili estetika, simbolisme, gaya unik, kontemporari dan eksklusif.



**Gambar 2** Trindade Trindade Ring (2019).  
<https://biatambelli.com/catalog/trindade/>

## 5.2. Identiti Kebangsaan Melalui Dasar Kebudayaan Negara

Identiti kebangsaan adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan sejarah wilayah dan tanah air, sejarah mitos dan memori bersama, budaya masyarakat setempat, undang-undang dan hak sama rata dan gerakan wilayah ekonomi untuk masyarakat. (Mohd Anuar, N. S. et al. 2021, Nur Syafinaz Mohd Anuar, et al. 2019). Pendapat tersebut selari dengan kenyataan Mantan Penasihat Sosiobudaya Kerajaan Malaysia, Tan Sri Rais Yatim masyarakat Malaysia akan kehilangan identiti jika tiada usaha untuk memulihara dan memupuk seni budaya dan warisannya (Bernama,2016).

Melalui Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 yang juga merupakan kesinambungan daripada Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK 1971) menggariskan tujuh (7) teras utama DAKEN 2021 iaitu berkaitan pelaksanaan seni, budaya dan warisan pada masa hadapan yang merangkumi; Budaya Nilai Tinggi, Keharmonian Masyarakat, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya, Pembangunan dan Pengembangan Budaya, Pemerksaan Budaya, Penjanaan Ekonomi Kebudayaan dan Kecemerlangan Budaya.

## 5.3. Perahu Tradisional Melayu Sebagai Identiti Malaysia

Kepala Perahu Tradisional Melayu adalah bentuk hiasan yang letakkan di hadapan perahu dan dipilih sebagai bahan kajian. Rekaan kepala perahu diambil dari bangau dimana bangau mempunyai peranan sebagai simbol kebudayaan nelayan Melayu apabila mereka ke laut. (Dato' Syed Ahmad Jamal, 1970). Dekorasi boleh didapati di tujuh bahagian perahu iaitu; Bangau, Okok, Cagak, Koyang Ekor, Kepala (kepala) dan Caping. Motif atau tema ukiran atau hiasan adalah watak dari wayang kulit (teater wayang kulit), mitos, legenda, flora dan fauna dan biasanya dalam bentuk yang bergaya (Nur Syafinaz Mohd Anuar, et al. 2019).

Penggunaan motif bangau pada perahu dipengaruhi pelbagai faktor termasuk unsur ritual, iaitu kepercayaan masyarakat Melayu dulu yang mengaitkannya dengan sifat keperwiraan, kesuburan dan pelindung. Kedudukannya pada bahagian hadapan dan sebelah kiri perahu dengan fungsi utamanya sebagai penyangga kepada tiang layar. (Nur Syafinaz Mohd Anuar, et al. 2019).




**Gambar 3** Koleksi Bangau Perahu di Jabatan Muzium Malaysia


#### **5.4. Produk Yang Menjadikan Kepala Perahu Sebagai Bahan Kajian**

Terdapat pereka dari Malaysia yang menerapkan elemen-elemen identiti kebangsaan dalam rekaan mereka. Mengambil contoh keronsang yang pernah dihasilkan penyelidik sendiri yang bertajuk Blue Bangau Brooch (Gambar 4), yang diilhamkan dari kepala bot tradisional nelayan Melayu. Digabungkan dengan motif sulur kacang dari subjek kajian yang diambil dari reka corak awan larat pada bahagian badan pengukur kelapa untuk memfokuskan lagi identiti bangsa Melayu di Malaysia. Keronsang ini telah memenangi Anugerah UNESCO Kecemerlangan Kraftangan di Asia Selatan dan Asia Tenggara 2012. (Marzuki Ibrahim et al., 2020)

Salleh Hamid juga merupakan salah seorang pereka yang menjadikan kepala perahu sebagai bahan kajian. Beliau telah menghasilkan kostum Miss Universe Malaysia 2018 (Gambar 5) sebagai pakaian peragaan pertandingan tersebut. Dalam rekaan tersebut, dibahagian bahu kiri menggunakan motif burung bangau, manakala bahu kanan menggunakan motif kepala perahu & motif awan larat.



**Gambar 4** Blue Bangau Brooch




**Gambar 5** Kostum  
Miss Universe Malaysia 2018

## 6. METODOLOGI

### 6.1. Model Double Diamond dalam Barang Kemasan


Double Diamond adalah model proses yang dicipta oleh Design Council, sebuah organisasi British, pada tahun 2005. Model ini memberikan gambaran secara grafik proses reka bentuk. Model Double Diamond dilihat bersesuaian untuk diaplikasikan dalam kajian ini.



**Rajah 2** Model Double Diamond, yang dibangunkan oleh Design Council UK tahun 2005  
(Sumber: <https://innovationenglish.sites.ku.dk/model/double-diamond-2/>)

Menurut Maciej Lipiec (2019) proses reka bentuk perlu mempunyai empat fasa utama setiap proses reka bentuk: 1) Mencari (mengenali, menyelidiki dan memahami permasalahan), 2) Tentukan (had dan tentukan masalah yang jelas untuk diselesaikan), 3) Bangunkan (menumpukan dan membangunkan penyelesaian), dan 4) Menyampaikan (menguji dan menilai, menyiapkan konsep untuk pengeluaran dan pelancaran).

### 6.2. Idea Generasi Bagi Reka Bentuk Barang Kemasan Kontemporari



### 6.3. Kajian Rintis terhadap produk

Marzuki Ibrahim (2011:142) menjelaskan bahawa, terdapat dua jenis penilaian produk sedia ada di pasaran. Beliau mencadangkan iaitu 1) penilaian reka bentuk dan 2) penilaian produk. Bagi penilaian reka bentuk produk adalah penampilan visual, bentuk dan fungsi, kepelbagaian pilihan reka bentuk, kepelbagaian pilihan warna, telesi, inovasi dan jangka hayat. Manakala penilaian produk pula adalah fungsi produk, kesesuaian bahan, saiz dan berat, keselamatan, ergonomik, pembungkusan, harga jualan, dan penyelenggaraan.

Walaupun bagaimanapun, sudut Telesi menjadi keutamaan kajian ini kerana telesi bermaksud bentuk, dekorasi dan bahan yang menggambarkan budaya dan masa tertentu serta ia dipersembahkan dalam konteks yang sepadan dan menghormati asalnya.

Maklum balas kajian rintis telah dijalankan keatas 4 individu yang dipilih berdasarkan kelayakan yang sesuai. Mereka yang dipilih adalah:

1. So'hibul Azri B. Ahmad, Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Kelantan.
2. Zaitun Bt Mohd Zaid, Pereka Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Kelantan.
3. Mohd Shahrul Hisham B. Ahmad Tarmizi, Penyelaras Visual Art Centre (VAC), Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Kelantan.
4. Abdul Rahman @ Khalid Bin Ismail, Pengarah, Syarikat Versagold Resources, Kuala Lumpur.

Maklum balas diperolehi melalui soalan kaji selidik yang terbahagi kepada 2 bahagian utama: Bahagian A: Tahap kriteria penilaian terhadap rekabentuk (design) iaitu penampilan visual, estetik, inovasi, telesi, dan jangka hayat. Bahagian B: Tahap kriteria penilaian terhadap produk (product) iaitu Fungsi, Bahan, Saiz dan Berat, Keselamatan, Ergonomi, dan pembungkusan. Soalan-soalannya adalah seperti berikut:

#### A. Tahap Kriteria Terhadap Reka Bentuk.

1. Adakah reka bentuk yang dihasilkan Berjaya menggambarkan bahan kajian?
2. Adakah reka bentuk yang dihasilkan mempunyai nilai-nilai estetik yang menarik?
3. Adakah reka bentuk yang dihasilkan merupakan salah satu penambahbaikan dalam rekaan?
4. Adakah reka bentuk yang dihasilkan menggambarkan budaya atau identiti setempat?
5. Adakah reka bentuk mampu untuk bertahan sekarang dan masa hadapan?

#### B. Tahap Kriteria Terhadap Produk.

1. Adakah produk ini praktikal dan berfungsi dengan baik untuk digunakan?
2. Adakah gabungan bahan (logam dan batik) sesuai digunakan?
3. Adakah saiz dan berat produk ini bersesuaian untuk digunakan?
4. Adakah produk ini mengutamakan ciri-ciri keselamatan kepada pemakai?
5. Adakah produk ini memberi keselesaan fizikal kepada pemakai?
6. Adakah produk ini memerlukan rekaan pembungkusan yang sesuai bagi tujuan pemasaran?

Marzuki Ibrahim (2011:142) menjelaskan bahawa, terdapat dua jenis penilaian produk sedia ada di pasaran. Beliau mencadangkan iaitu 1) penilaian reka bentuk dan 2) penilaian produk. Bagi penilaian reka bentuk produk adalah penampilan visual, bentuk dan fungsi, kepelbagaian pilihan reka bentuk, kepelbagaian pilihan warna, telesi, inovasi dan jangka hayat. Manakala penilaian produk pula adalah fungsi produk, kesesuaian bahan, saiz dan berat, keselamatan, ergonomik, pembungkusan, harga jualan, dan penyelenggaraan.

Walaupun bagaimanapun, sudut Telesis menjadi keutamaan kajian ini kerana telesis bermaksud bentuk, dekorasi dan bahan yang menggambarkan budaya dan masa tertentu serta ia dipersembahkan dalam konteks yang sepadan dan menghormati asalnya.

Maklum balas kajian rintis telah dijalankan keatas 4 individu yang dipilih berdasarkan kelayakan yang sesuai. Mereka yang dipilih adalah:

1. So'hibul Azri B. Ahmad, Pengarah Perbadangan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Kelantan.
2. Zaitun Bt Mohd Zaid, Pereka Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Cawangan Kelantan.
3. Mohd Shahrul Hisham B. Ahmad Tarmizi, Penyelaras Visual Art Centre (VAC), Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Kelantan.
4. Abdul Rahman @ Khalid Bin Ismail, Pengarah, Syarikat Versagold Resources, Kuala Lumpur.

Maklum balas diperolehi melalui soalan kaji selidik yang terbahagi kepada 2 bahagian utama: Bahagian A: Tahap kriteria penilaian terhadap rekabentuk (design) iaitu penampilan visual, estetik, inovasi, telesis, dan jangka hayat. Bahagian B: Tahap kriteria penilaian terhadap produk (product) iaitu Fungsi, Bahan, Saiz dan Berat, Keselamatan, Ergonomi, dan pembungkusan. Soalan-soalannya adalah seperti berikut:

A. Tahap Kriteria Terhadap Reka Bentuk.

1. Adakah reka bentuk yang dihasilkan Berjaya menggambarkan bahan kajian?
2. Adakah reka bentuk yang dihasilkan mempunyai nilai-nilai estetik yang menarik?
3. Adakah reka bentuk yang dihasilkan merupakan salah satu penambahbaikan dalam rekaan?
4. Adakah reka bentuk yang dihasilkan menggambarkan budaya atau identiti setempat?
5. Adakah reka bentuk mampu untuk bertahan sekarang dan masa hadapan?

B. Tahap Kriteria Terhadap Produk.

1. Adakah produk ini praktikal dan berfungsi dengan baik untuk digunakan?
2. Adakah gabungan bahan (logam dan batik) sesuai digunakan?
3. Adakah saiz dan berat produk ini bersesuaian untuk digunakan?
4. Adakah produk ini mengutamakan ciri-ciri keselamatan kepada pemakai?
5. Adakah produk ini memberi keselesaan fizikal kepada pemakai?
6. Adakah produk ini memerlukan rekaan pembungkusan yang sesuai bagi tujuan pemasaran?

## 7. ANALISA DAN PENEMUAN

Hasil analisa daripada kajian rintis mendapati bahawa tahap kriteria terhadap reka bentuk (design) mendapati purata memilih 4 indikator (penampilan visual, estetik, inovasi, dan telesis) sebagai sangat setuju. Manakala 1 indikator (jangka hayat) sebagai setuju sahaja. Bagi tahap kriteria terhadap produk (product) pula, didapati purata memilih 3 indikator (bahan, keselamatan, pembungkusan) sebagai sangat penting dan 3 indikator (fungsi, saiz dan berat, ergonomik) sebagai penting.

Selain itu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan keatas rekaan. Rekaan produk ini telah sesuai untuk dikomersialkan, namun perlu beberapa penambahbaikan dari segi rekaan berwarna yang dikenakan pada bahagian tengah produk. Selain itu, gabungan saduran emas dan *rodium/white gold* perlu dibuat pada motif di pahat timbul bagi menyerlahkan lagi reka corak. Gabungan batik dan logam perlu dikemaskini agar kelihatan kemas dan menarik.

Manakala dari segi penilaian keatas produk pula, bentuk produk perlu diperhalusi lagi bagi menampakkan lebih lembut dan sesuai untuk dijadikan perhiasan diri (ergonomi). Selain itu saiz dan berat perlu dikurangkan bagi disesuaikan dengan produk yang dihasilkan iaitu barang kemas. Produk ini juga perlu ditambah lagi ciri-ciri kontemporari bagi menarik perhatian.



## 8. PENCAPAIAN

1. MTXbrooch: Fine Metal and Textile Arts for Modern Contemporary Brooch, International Student Affairs Invention, Innovation and Design Competition (I-SAIID) 2019, Universiti Teknologi MARA, Kedah, Malaysia, Pingat perak
2. Potensi dan kepentingan identiti Malaysia dalam penghasilan rekaan barang kemas kontemporari, Pembentangan kolokium akademik (2019), UiTM Cawangan Kelantan.
3. Potensi dan Kepentingan Identiti Malaysia Dalam Idea Generasi Bagi Reka Bentuk Barang Kemas Kontemporari. Pembentangan kertas kerja di 1st International Conference on Creative Technology and Heritage (ICCTH 2019). Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

## PENGHARGAAN

Tiada penghargaan yang ingin dirakamkan dalam kajian ini.

## PEMBIAYAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan dari mana-mana pihak.

## SUMBANGAN PENULIS

Semua pengarang menyumbang kepada penghasilan penulisan ini secara sama-rata.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, kepengarangan dan/atau penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Ali Yasin, Siti Maryam et al. Translating Traditional Malay Pottery Motifs To Inspire Ceramic Surface Decoration Design. *Ideology Journal*, [S.l.], v. 6, n. 2, p. 98 - 103, sep. 2021. ISSN 2550-214X. Available at: <<http://ideologyjournal.com/ojs/index.php/ideology/article/view/289>>. Date accessed: 27 june 2023. doi: <https://doi.org/10.24191/ideology.v6i2.289>.
- Bernama. (2016). Masyarakat Melayu perlu martabatkan seni budaya dan warisan. Diperoleh 16 Januari 2022 daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masyarakat-melayu-perlu-martabatkan-seni-budaya-dan-warisan-117588>
- Boswell, R. (2008). Challenges to Identifying and Managing Intangible Cultural Heritage in Mauritius, Zanzibar and Seychelles. *Imprimerie Graphiplus*, Dakar, Senegal.
- Ibrahim, M., Daud, M. Z., Tarmizi, M. S. H. A., & Badaruddin, M. I. (2017). Malaysian Identity in Design Education: Furniture and Jewellery Products. *Journal of Contemporary Social Science Research*, 2(1), 75-75.
- Justyna Stasiewicz (2015) Contemporary Jewelry - what is it? Diperoleh 28 September 2019 dari URL <http://www.jewelrydesign.pl/en/history/contemporary-jewelry-what-is-it/>
- M. Z. Daud, M. Ibrahim, and N. S. M. Anuar. (2021). Factors that influenced the purchase of gemstone among enthusiast in Kelantan. *AIP Conference Proceedings*. <https://doi.org/10.1063/5.0051825>
- Maciej Lipiec (2019) Beyond the Double Diamond: thinking about a better design process model. Diperoleh 28 September 2019 dari URL <https://uxdesign.cc/beyond-the-double-diamond-thinking-about-a-better-design-process-model-de4fdb902cf>
- Marzuki Ibrahim (2011). *Kaedah Penyelidikan Seni Lukis Dan Seni Reka*. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Kota Bahru, Kelantan. Hlm. 142.
- Marzuki Ibrahim, M. Sophist Ahmad, M. Zamani Daud (2020). The Preservation of Malaysian Identity in Jewelry Design through Semantic Differential Scale in Teaching and Learning Process. *Journal*

- of Advanced Research in Dynamical and Control Systems. Vol.12 issue 7 (special issue), pp. 626 – 632
- Matsuura, K. (2001) Press release No. 2001-120. General Conference Adopts Universal Declaration on Cultural Diversity. Diperoleh 22 April 2014 dari URL: [http://www.unesco.org/confgen/press\\_rel/021101\\_clt\\_diversity.shtml](http://www.unesco.org/confgen/press_rel/021101_clt_diversity.shtml). Hlm11.
- Mohd Anuar, N. S., Daud, M. Z., Jalaludin, M. F., & Muda, M. S. (2021). Gerbang: Potensi Identiti Negeri Dalam Idea Generasi Bagi Reka Bentuk Cenderamata Rasmi Universiti Teknologi Mara (UITM) Cawangan Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(36), 60 – 72. eISSN: 0128-1755
- N. S. M. Anuar, M. Z. Daud, and M. Ibrahim. (2021). Product quality evaluation: Selection among the women buyers in Kelantan. *AIP Conference Proceedings*. <https://doi.org/10.1063/5.0051845>
- Nur Syafinaz Mohd Anuar, Mohd Zamani Daud, Muhammad Faiz Iskandah, Hamdan Lias (2019). Potensi dan Kepentingan Identiti Malaysia Dalam Idea Generasi Bagi Reka Bentuk Barang Kemas Kontemporari. *E proceeding 1st International Conference on Creative Technology and Heritage (ICCTH 2019)*. Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. eISBN 978-967-2912-94-1
- Nur Syafinaz Mohd Anuar, Nor Azlin Hamidon, Mohd Zamani Daud (2019). Jewellery Product Quality Evaluation based on the buyer's choice of Kelantanese Women, *Lecture Notes in Social Sciences, Art & Humanities*, Malaysia Technical Scientist Association, Malaysia. eISBN: 978-967-2348-09-2. Hlmn 192-199.
- Untracht, O. (1982) *Jewelry: Concepts and Technology*, The Crowood Press Ltd, London, United Kingdom. Hlm 9

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**  
Timbalan Ketua Pustakawan

*nar*

*Setuju.*

*27.1.2023*

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR